KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# KENYATAAN AKHBAR
# KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA
## 27 JANUARI 2022

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 27 Januari 2022 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh: **4,409 kes** (2,770,663 kes kumulatif, 97.2%)
- Kes baharu : **5,439 kes** (2,850,408 kes kumulatif);
- Kes import : **332 kes** [204 warganegara (61.4%); 128 bukan warganegara (38.6%)];
- Kes tempatan : **5,107 kes** [4,968 warganegara (97.3%); 139 bukan warganegara (2.7%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **124 kes** (101 kes disahkan COVID-19; 23 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan: **70 kes** (47 kes disahkan COVID-19; 23 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);

- Jumlah kluster : **6,371 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **22 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **6,097 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **274 kluster.**

Daripada **5,439 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **47 kes (0.9 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **5,392 kes (99.1 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian nilai $R_T$ mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 1** yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di https://covidnow.moh.gov.my. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

**Jadual 1:** Nilai $R_t$ Mengikut Negeri Berdasarkan Kes Yang Dilaporkan Pada 26 Januari 2022

| NEGERI | NILAI $R_T$ |
|---|---|
| **Negeri Sembilan** | 1.18 |
| **Kedah** | 1.14 |
| **Johor** | 1.12 |
| **Selangor** | 1.07 |
| **WP Kuala Lumpur** | 1.07 |
| **Melaka** | 1.06 |
| **Kelantan** | 1.04 |
| **Sabah** | 1.02 |
| **Pulau Pinang** | 1.02 |
| **Pahang** | 1.02 |
| **WP Putrajaya** | 1.01 |
| **Perak** | 1.00 |
| **Terengganu** | 0.85 |
| **WP Labuan** | 0.00 |
| **Sarawak** | 0.00 |
| **Perlis** | 0.00 |
| **MALAYSIA** | **1.13** |

## NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S**: (elakkan kawasan yang sesak, sempit, dan sembang dengan jarak yang dekat);
- **Amalkan 3W**: (Amalkan *Wash, Wear, and Warn*);
- Sentiasa memakai **pelitup muka** di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan;
- **Amalkan TRIIS** (*Trace, Report, Isolate, Inform, and*, *Seek)* sebelum menghadiri aktiviti sosial atau sekiranya bergejala; dan
- **Dapatkan vaksin COVID-19** bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius dan bilangan kes kematian.

Bagi yang langsung belum menerima vaksin namun tidak pernah dijangkiti COVID-19, anda kini berada dalam kumpulan paling berisiko mendapat jangkitan COVID-19. Nasihat KKM agar segeralah mendaftar dan mendapatkan vaksin COVID-19. Bagi yang telah mendaftar, KKM memohon agar anda hadir ke temu janji tersebut demi melindungi diri anda dan orang tersayang.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

27 Januari 2022 @ 6:00 petang